

**HUBUNGAN KAEDAH PENGAJARAN DENGAN KEMAHIRAN LISAN BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN PELAJAR IPTA**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

OLEH:

**NOR SHAFURA MUSILEHAT
AZMAN CHE MAT, PhD.
AHMAD NAZUKI @ MARZUKI YAACOB**

MEI 2014

Kandungan

1. Surat Penyerahan Laporan	III
2. Surat Tawaran (Geran Penyelidikan).....	IV
3. Penghargaan.....	V
4. Tajuk dan Objektif Kajian yang Dikemaskini	VI
5. Laporan.....	1
5.1 Ringkasan Penyelidikan yang dikemaskini	1
5.2 Pengenalan	2
5.3 Ringkasan Kajian Literatur	4
5.4 Metodologi	7
5.5 Dapatan dan Perbincangan.....	9
5.6 Kesimpulan dan Cadangan	12
5.7 Rujukan/Bibliografi	14
6. Hasil Penyelidikan	15
7. Lampiran	17

1. Surat Penyerahan Laporan

Tarikh : 31 Mei 2014

No. Fail Projek :

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI)
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN "HUBUNGAN KAEDAH PENGAJARAN
DENGAN KEMAHIRAN LISAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN
PELAJAR IPTA"**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan naskah laporan akhir penyelidikan yang telah kami jalankan untuk tindakan seterusnya oleh pihak RMI. Sekian, terima kasih.

Yang benar,

NOR SHAFURA MUSILEHAT

Ketua

Projek Penyelidikan

4. Tajuk dan Objektif Kajian yang Dikemaskini

(if any)

Original Title as Proposed:

Hubungan Kaedah Pengajaran dengan Kemahiran Lisan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar IPTA

Improved/Enhanced Title:

Original Objectives as Proposed:

1. Mengenalpasti hubungan kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab ke atas kemahiran lisan.
2. Mengenalpasti kaedah pengajaran yang dominan membantu pencapaian pelajar dalam menguasai kemahiran lisan bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM.

Improved/Enhanced Objectives:

5. Laporan

5.1 Ringkasan yang Dikemaskini

Pembelajaran sesuatu bahasa mendedahkan pelajar kepada kemahiran-kemahiran berbahasa seperti kemahiran mendengar, kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM kemahiran lisan adalah salah satu kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar. Namun melihat kepada keputusan penilaian dan ujian yang dijalankan di dalam kelas pada setiap semester seperti ujian lisan dan projek lakonan bahasa Arab didapati masih ramai pelajar yang gagal menguasai kemahiran lisan ini seperti tidak dapat menyebut perkataan Arab dengan sebutan yang jelas dan betul di samping lemah dalam menggunakan ungkapan asas bahasa Arab. Salah satu faktor yang menyumbang kepada keadaan ini ialah kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah di dalam kelas. Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti hubungan kaedah pengajaran yang digunakan dengan prestasi pelajar dalam kemahiran lisan bahasa Arab. Selain itu kajian ini juga bertujuan meneliti kaedah pengajaran yang dominan yang membantu pelajar dalam menguasai kemahiran lisan bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM. Kajian ini menjadikan soal selidik sebagai alat untuk mendapatkan data. Sebanyak 257 orang pelajar ijazah sarjana muda yang sedang mengikuti subjek bahasa Arab tahap dua (BAB451) dan tahap tiga (BAB501) dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah deskriptif dan inferential digunakan untuk menganalisis data yang terkumpul. Dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan antara kaedah pengajaran dengan penguasaan kemahiran lisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Beberapa kaedah pengajaran seperti kaedah sebutan, kaedah perbualan, kaedah pengulangan dan lain-lain lagi digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran bahasa Arab dan kaedah-kaedah ini dilihat membantu pelajar menguasai kemahiran lisan bahasa Arab. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan kaedah pengajaran berkaitan dengan keupayaan pelajar dalam menguasai kemahiran lisan bahasa Arab. Pensyarah sewajarnya memilih kaedah pengajaran yang sesuai bagi membantu pelajar mendapatkan kemahiran berbahasa yang diperlukan.